



LEADING THE WAY
KHALIFAH • AMĀNAH • IQRA' • RAHMATAN LIL-ĀLAMĪN



AN INTERNATIONAL AWARD-WINNING INSTITUTION FOR SUSTAINABILITY

(<https://newsroom.iium.edu.my/>)

IIUM in News (<https://newsroom.iium.edu.my/>)

HomeInNews (Print)InNews (Video)IIUMTV News

Columnist ▾

Our ViewsRectorPresident



UIAM Berhujah (Utusan Malaysia)Opinion (NST)My View (The Sun)MukaSepuluh (BH)ContactIIUMIIUM Today

UIAM Berhujah (Utusan Malaysia) (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/category/columnist/uiam-berhujah-utusan-malaysia/>)

Search

Pokok tentukan sihat, sakit kita

🕒 4 days ago sulaimanh (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/author/sulaimanh/>)



Recent Posts

Tunku Azizah calls on women to continue fighting for greater representation in leadership roles (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/25/tunku-azizah-calls-on-women-to-continue-fighting-for-greater-representation-in-leadership-roles/>)

What About Literature for Muslim Children? (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/25/what-about-literature-for-muslim-children/>)

Sertai Malaysia #QuranHour di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/25/sertai-malaysia-quranhour-di-masjid-tuanku-mizan-zainal-abidin/>)

Plan warrants thorough study

(https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/25/plan-warrants-thorough-study/)

Pokok tentukan sihat, sakit kita (https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/25/pokok-tentukan-sihat-sakit-kita/)

Pokok tentukan sihat, sakit kita

UIAM BERHUJAH

Oleh
Mohd. Ramzi Mohd. Hussain

KEJADIAN tanah runtuh dan hakisan tanah yang begitu hebat akibat luruan kepala air deras berulang kali lagi di Kedah. Baru-baru ini berlaku di Kupang, Baling. Peristiwa sama yang tercetis hampir setahun lalu masih meninggalkan kesan amat mendalam kepada penduduk sekitar perkampungan di Yan dan Gurun.

Antara punca berlakunya kejadian ini adalah keadaan muka bumi dan persekitaran yang sudah gondol tanpa kaedah saliran betul. Seperti diketahui, kawasan Gunung Inas di Kupang asalnya terdapat hutan semula jadi yang dipotong dan digantikan dengan tanaman durian.

Antara punca berlakunya kejadian ini adalah keadaan muka bumi dan persekitaran yang sudah gondol tanpa kaedah saliran betul. Seperti diketahui, kawasan Gunung Inas di Kupang asalnya terdapat hutan semula jadi yang dipotong dan digantikan dengan tanaman durian. Ia melibatkan ribuan ekar. "Pengosongan" pokok dan tumbuhan asal dengan penggantian tanaman baharu akan mengambil masa.

Bukan sahaja masa, kawasan sekitar juga ditarah mengikut saiz dan jarak penanaman. Ini secara tidak langsung meninggalkan kesan buruk bila hujan lebat. Dengan banjir (lumpur) kilat baru-baru ini, ternyata kesan kepada penerokaan hutan menunjukkan tindak balas. Tiada lagi kawasan hijau dari kawasan tanah tinggi (Gunung Inas) bertindak sebagai agen penyerapan air hujan yang lebat. Tiada lagi kawasan tadahan air hujan semula jadi yang boleh menampung dan bertindak untuk memperlahankan luruan air hujan ke bahagian hilir sungai yang melalui perkampungan dan penempatan penduduk.

Harus diingat dan diteliti, kenapa kita disediakan dengan alam sekitar yang boleh memberi faedah untuk jangka masa panjang? Pokok dan tumbuhan hutan umpamanya bersama setiap ciptaan adalah makhluk hidup yang penting, menyembah dan memuliakan Allah dengan cara yang tidak dapat dirasakan oleh manusia. Pokok dan tumbuhan juga ditempatkan di bumi untuk membawa manfaat bukan



PENGANTIAN tumbuhan asal di kawasan Gunung Inas di Kupang dengan tanaman durian menyebabkan tanah runtuh dan hakisan tanah seterusnya banjir teruk apabila hujan lebat. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

hanya untuk manusia tetapi juga kehidupan haiwan.

Oleh kerana manusia adalah sebahagian daripada alam, maka manusia hidup menurut peraturannya. Tambahan pula, manusia mempunyai hubungan sangat kuat dengan keajaiban semula jadi di mana kehidupan bersama yang damai dengan persekitaran semula jadi tidak berubah dalam menyediakan keperluan asas.

Perlu juga kita ingat, pokok dan tumbuh-tumbuhan hutan merupakan elemen utama infrastruktur hijau hutan dalam mencapai status kelestarian dan berdaya huni. Selain berfungsi sebagai taman hijau, ia mampu mengurangkan berlaku banjir kilat. Pokok dan tumbuh-tumbuhan merupakan tempat untuk kehidupan fauna yang pelbagai. Ini dapat menampung keupayaan dan meningkatkan biodiversiti dan ekologi semula jadi sesuatu kawasan.

Di samping itu, pokok dan tumbuh-tumbuhan hutan yang tumbuh secara semula jadi memberikan banyak faedah kepada ekologi persekitaran dan kehidupan manusia setempat. Selain keindahan estetik, peningkatan nilai harta



Manusia mempunyai hubungan sangat kuat dengan keajaiban semula jadi."

benda, pencegahan hakisan, pengurusan air hujan dan pengurangan bunyi bising daripada kesan kenderaan.

Kepentingan tumbuhan dalam menjaga kelangsungan hidup persekitaran jelas. Keberadaan manusia di bumi banyak bergantung pada tumbuh-tumbuhan. Semua yang kita makan datang secara langsung atau tidak langsung daripada hasil tumbuh-tumbuhan. Pokok dan tumbuh-tumbuhan hutan memberi kita tempat tinggal, makanan, ubat-ubatan dan membersihkan udara yang kita hirup dan salah satu keperluan visual kehidupan seharian.

MENTAL

Terdapat banyak faedah untuk pokok dan tumbuhan hutan wujud dan terus

menstabilkan persekitaran. Meningkatkan kualiti udara, menyejukkan suhu udara, menyaring dan mengekalkan air hujan, menyerap karbon dan menyumbang kepada kualiti serta pemandangan tempat yang lebih sihat antara faedah diberikan oleh tumbuhan dan pokok.

Di samping itu, pokok dan tumbuhan hutan sedia ada memainkan peranan sebagai tulang belakang kepada pembentukan biodiversiti, ekologi dan ekosistem yang membantu mengekalkan kepelbagaian sesuatu tempat. Selain manfaat ekologi dan persekitaran, pokok dan tumbuhan hutan dapat meningkatkan kesihatan mental masyarakat dan menghilangkan tekanan.

Oleh itu, pokok dan tumbuhan hutan mempunyai pelbagai fungsi dan dapat dinyatakan berdasarkan warna, bentuk dan tekstur. Fungsi pokok dan tumbuhan dapat memberikan pelbagai faedah kualiti hidup. Ini membawa kepada persekitaran menyenangkan yang dapat mengurangkan kebisingan bandar dan tekanan sosial. Kepentingan bentuk, warna dan fungsi tanaman terutama pokok dapat membantu

menyelesaikan banyak masalah dalam masyarakat.

Melalui naungan, pokok dapat mengekalkan kesihatan manusia. Sebagai contoh, dari segi bunga-bunganya dapat menarik lebih banyak hidupan fauna seperti rama-rama dan pepatung. Keseimbangan ekologi dan biodiversiti ini akan menyumbang kepada pembentukan suasana persekitaran lebih stabil dan harmoni. Ini secara tidak langsung mempengaruhi emosi dan tingkah laku manusia yang sering bergantung kepada keindahan alam.

Pokok dan tumbuh-tumbuhan hutan juga boleh membantu mengurangkan pencemaran udara dengan membuang bahan pencemar secara langsung dan mengurangkan suhu udara serta membina penggunaan tenaga di dalam dan berhampiran taman. Kesan pokok ini boleh mengurangkan pelepasan dan pembentukan bahan pencemar.

Dalam pada itu, pokok dan tumbuhan hutan turut memberikan sumbangan kuat terhadap keadaan ekologi, sosial dan ekonomi diingkin di mana-mana kawasan yang dapat ditafsirkan sebagai meningkatkan kelestarian setempat. Pokok dan tumbuhan dapat mewujudkan suasana melalui interaksi dengan sumber alam lain seperti angin. Pokok memberi kegembiraan kepada manusia melalui pancaindera. Ini adalah perkhidmatan penting dalam memajukan kesihatan kerana pokok dan tumbuhan tuduhan menyekat sinaran ultraviolet berbahaya.

Pokok dan tumbuhan hutan adalah penyaman udara semula jadi dan mereka adalah kunci kepada masa depan iklim persekitaran kita. Oleh itu, kita bertanggungjawab untuk menjaga amergah khas ini iaitu pokok dan tumbuhan hutan kerana kepentingannya kepada manusia tidak dapat dinafikan.

PROFESOR Madya Dr. Mohd. Ramzi Mohd. Hussain ialah Pensyarah Karan di Jabatan Seni Bina Landskap, Kulliyah Seni Bina & Reka Bentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Recent Comments

Previous

Sejahterakan buli melalui FPK
(<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/18/sejahterakan-buli-melalui-fpk/>)

More Stories

(<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/18/sejahterakan-buli-melalui-fpk/>)

UIAM Berhujah (Utusan Malaysia) (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/category/columnist/uiam-berhujah-utusan-malaysia/>)

Sejahterakan buli melalui FPK (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/18/sejahterakan-buli-melalui-fpk/>)

🕒 2 weeks ago **Abe Nubhan** (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/author/abenubhan/>)

(<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/11/pusat-susu-lunas-fardhu-kifayah/>)

UIAM Berhujah (Utusan Malaysia) (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/category/columnist/uiam-berhujah-utusan-malaysia/>)

Pusat susu lunas fardhu kifayah (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/11/pusat-susu-lunas-fardhu-kifayah/>)

🕒 3 weeks ago **Abe Nubhan** (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/author/abenubhan/>)

(<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/2022/08/04/kumaar-anak-watan-yang-kita-banggai/>)

UIAM Berhujah (Utusan Malaysia) (<https://newsroom.iium.edu.my/index.php/category/columnist/uiam-berhujah-utusan-malaysia/>)

